
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SBU343 – Pengurusan Sistem Kesihatan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan daripada soalan-saolan berikut.

1. Huraikan “transisi epidemiologik” dengan membincangkan perubahan corak penyakit manusia sejak zaman purba. Apakah faktor-faktor yang telah menyumbang kepada kemunculan dan kemunculan semula penyakit berjangkit sebagai masalah kesihatan yang utama?
(100 markah)

2. Afrika merupakan benua yang mempunyai paling ramai pesakit HIV/AIDS (25 juta) di dunia. Bagaimanapun, kurang daripada 0.1% (25 ribu) daripada pesakit tersebut kini dirawat dengan ubat-ubat HIV/AIDS. Bincangkan faktor-faktor yang telah membawa kepada keadaan sedemikian.
(100 markah)

3. a) Bandingkan sistem perkhidmatan kesihatan di United Kingdom (National Health Service) dengan sistem yang wujud di Amerika Syarikat.
(50 markah)

- b) “Perkhidmatan kesihatan kerajaan di Malaysia perlu diswastakan oleh kerana beban kewangan adalah terlalu berat tambahan pula tahap kecekapan yang tidak memuaskan.” Bincangkan secara kritis kenyataan ini.
(50 markah)

4. a) Bincangkan konsep “insuran” sebagai salah satu cara untuk membiayai perkhidmatan kesihatan. (40 markah)
- b) Apakah beza antara “insuran sosial” dengan “insuran berasaskan risiko”? (30 markah)
- c) Apakah kaitan antara “insuran kesihatan” dan “HMO” (*Health Maintenance Organisation*)? (30 markah)
5. Pada tahun 1970an dan 1980an, beberapa kumpulan NGO melancarkan kempen antarabangsa yang menuduh syarikat Nestle sebagai pembunuh bayi. Apakah latarbelakang kepada peristiwa ini? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil supaya penyusuan kanak-kanak oleh ibu dapat diamalkan dengan mudah? (100 markah)